**HARIAN METRO**
**02 JULAI 2011(SABTU)**
**M/S 21A**

PTPTN diminta segera uruskan permohonan kami pelajar PJJ UMP. Sudah enam bulan mohon status tetapi sedang diproses. Nombor pin baru sudah dibeli tetapi tidak boleh diisi. - **SERABUTAKU [IMA06220]**

**KENYATAAN AKHBAR**

**PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

**KELULUSAN PERMOHONAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PTPTN**

Aduan daripada Serabut Aku (IMA06220) melalui akhbar Harian Metro pada 2 Julai 2011 adalah dirujuk.

Berdasarkan jadual PTPTN, tarikh proses permohonan pembiayaan bagi pelajar-pelajar program Diploma Separuh Masa di UMP adalah pada 15 Ogos 2011 dan keputusannya adalah pada 23 Ogos 2011. Jadual berkenaan boleh disemak melalui laman web www.ptptn.gov.my. Pelajar yang terlibat dinasihatkan agar membuat semakan pada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan.

Rina binti Abd Rahman

Pegawai Perhubungan Awam, PTPTN